

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING

(STAMPIN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.04.2014

Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan jumlah rakyat yang membayar cukai dari tahun 2008 ke 2013.

Senaraikan bilangan rakyat dari segi jumlah pendapatan bulanan tidak termasuk bonus, iaitu:

kurang daripada RM3000, RM3001-RM5000, RM5001-RM8000, RM8001-RM10,000 dan

RM10,000 ke atas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan individu dikenakan cukai

pendapatan dari tahun taksiran 2008 hingga 2012 adalah seperti berikut:

Tahun taksiran	Bilangan individu dikenakan cukai pendapatan
2008	1,780,268 orang
2009	1,740,744 orang
2010	1,839,783 orang
2011	2,011,051 orang
2012	1,998,225 orang

2. Mengenai maklumat bilangan pembayar cukai bagi tahun taksiran 2013, ia masih belum boleh dibekalkan kerana maklumat tersebut adalah berdasarkan maklumat dalam borang nyata cukai pendapatan yang hanya akan dikemukakan oleh pembayar cukai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) selewat-lewatnya pada 30 April 2014 bagi individu berpendapatan penggajian dan 30 Jun 2014 bagi individu yang mempunyai pendapatan dari sumber perniagaan.

3. Bilangan pembayar cukai individu yang dikenakan cukai mengikut pendapatan bulanan dari tahun taksiran 2008 adalah seperti berikut:

Pendapatan Bulanan*	Bilangan orang				
	Tahun Taksiran 2008	Tahun Taksiran 2009	Tahun Taksiran 2010	Tahun Taksiran 2011	Tahun Taksiran 2012
Tidak melebihi RM3,000	373,108	298,298	268,757	232,023	187,085

RM3,001 hingga RM5,000	794,225	794,021	833,367	920,227	912,770
RM5,001 hingga RM8,000	353,600	371,975	422,275	488,279	510,643
RM8,001 hingga RM10,000	86,684	91,597	104,607	122,754	132,498
Melebihi RM10,000	172,651	184,853	210,777	247,768	255,229

(*) secara purata

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATUK MADIUS TANGAU

KAWASAN : TUARAN

TARIKH : 2 APRIL 2014, RABU

SOALAN:

YB. DATUK MADIUS TANGAU (TUARAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah bilangan pemegang Konsesi Lebuhraya Bertol di negara kita dan bilakah tempoh perjanjian konsesi tersebut tamat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini terdapat 30 buah lebuh raya yang sedang beroperasi di seluruh negara yang melibatkan 23 syarikat konsesi. Manakala tempoh konsesi lebuhraya ini adalah di antara 30 hingga 60 tahun.

Sekian. Terima kasih.